A

PP lwn. SHEILA SHARON STEVEN KUMAR

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
ROSZIANAYATI AHMAD PK
[SEMAKAN JENAYAH NO: BA-43-32-08-2023]
25 OGOS 2023

B

Abstrak – *Dalam kes kesilapan teknikal pemfailan dan pendaftaran pertuduhan-pertuduhan, seperti dalam kes ini apabila kesilapan pendaftaran pertuduhan oleh pegawai penyiasat telah menyebabkan pendaftaran dua nombor kes, perintah yang sesuai adalah melepaskan tanpa membebaskan tertuduh daripada pertuduhan-pertuduhan tersebut. Ini bermakna tertuduh masih boleh dituduh dan dibicarakan atas pertuduhan-pertuduhan yang dihadapinya.*

C

D

PROSEDUR JENAYAH: *Semakan – Semakan terhadap keputusan Mahkamah Majistret – Tertuduh dituduh di Mahkamah Majistret atas dua pertuduhan bawah Kanun Keseksaan – Kesilapan teknikal pemfailan dan pendaftaran pertuduhan – Pendaftaran dua nombor kes – Majistret memberikan perintah lepas dan bebas terhadap tertuduh – Sama ada Majistret terkhilaf dan tersalah arah – Sama ada perintah yang lebih tepat adalah dilepaskan tanpa dibebaskan untuk pertuduhan yang sama yang silap didaftar – Sama ada tertuduh masih boleh dituduh dan dibicarakan atas pertuduhan-pertuduhan – Kanun Tatacara Jenayah, ss. 173(g), 307 & 323(1)*

E

F

Tertuduh dituduh di Mahkamah Majistret atas dua pertuduhan iaitu: (i) melakukan ugutan jenayah untuk mendatangkan bencana tubuh seorang individu, dengan niat mendatangkan kegentaran pada orang tersebut, satu kesalahan bawah s. 506 Kanun Keseksaan ('KK'); dan (ii) mengaibkan kehormatan seorang individu, satu kesalahan bawah s. 509 KK. Ekoran kesilapan pendaftaran pertuduhan oleh pegawai penyiasat, yang menyebabkan dua nombor kes didaftarkan, pihak pendakwaan memohon satu kes tersebut dilepaskan tanpa dibebaskan. Majistret sebaliknya telah memberikan perintah lepas dan bebas terhadap tertuduh. Maka timbul semakan ini. Pihak pendakwaan memohon Mahkamah Tinggi menggunakan kuasa semakan bawah s. 323(1) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'), agar mahkamah memanggil dan memeriksa rekod kes, atas alasan: (i) Majistret terkhilaf apabila memberi perintah lepas dan bebas terhadap tertuduh kerana permohonan pihak pendakwaan untuk kes tersebut diberikan pelepasan dan pembebasan adalah kerana kesilapan pada pendaftaran kes dan bukan untuk tidak meneruskan kes terhadap tertuduh; dan (ii) tertuduh masih mempunyai kes yang sedang berjalan berdasarkan pertuduhan-pertuduhan yang sama dengan nombor kes yang berbeza. Perintah lepas dan bebas oleh Majistret adalah satu salah arah tanpa mengambil kira pertuduhan-pertuduhan tertuduh yang sedang berjalan melalui nombor kes yang berbeza tersebut.

G

H

I

Diputuskan (mengetepikan perintah pelepasan dan pembebasan tertuduh dan menggantikannya dengan perintah lepas tanpa bebas; tertuduh masih boleh dituduh dan dibicarakan atas pertuduhan):

(1) Keputusan yang dibuat oleh Majistret tidak termasuk bawah 'keputusan' yang boleh dirayu, seperti takrifan bawah s. 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibaca bersama-sama dengan s. 307 KTJ kerana keputusan yang dibuat oleh Majistret hanya timbul susulan kesilapan pemfailan oleh pegawai penyiasat yang telah memfailkan pertuduhan terhadap tertuduh dengan dua nombor kes yang berbeza. Tertuduh, walaupun diperintahkan untuk dilepaskan dan dibebaskan bawah Kes No. BD-82-8-06-2023, masih lagi menghadapi pertuduhan yang sama bawah Kes No. BD-82-6-06-2023. Oleh itu, hak tertuduh bersangkutan pertuduhan-pertuduhan yang dihadapinya masih belum lagi muktamad. (perenggan 18)

(2) Tidak masuk akal untuk Pegawai Kehakiman Mahkamah Rendah, yang diberi kuasa yang luas untuk melepaskan dan membebaskan tertuduh, dengan melanggar kuasa Pendakwa Raya yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Jika perintah oleh Majistret dibiarkan tanpa dibetulkan, ini seolah-olah membenarkan Majistret untuk campur tangan dan merampas kuasa Pendakwa Raya yang diperuntukkan dalam per. 145(3) Perlembagaan Persekutuan. (perenggan 20)

(3) Kesan s. 173(g) KTJ adalah, apabila pertuduhan dianggap tidak berasas oleh Majistret, perintah yang dibenarkan untuk diberikan adalah melepaskan tanpa membebaskan tertuduh daripada pertuduhan tersebut. Dalam berbuat demikian, Majistret hendaklah menyatakan alasan mengapa perintah pelepasan tersebut diberikan. Walau bagaimanapun, dalam kes ini, hanya kerana kesilapan pendaftaran, Majistret bukan sahaja melepaskan tertuduh tetapi juga membebaskannya daripada pertuduhan tersebut. Majistret juga tidak memberikan alasan mengapa beliau membuat perintah tersebut. (perenggan 22)

(4) Membiarkan perintah Majistret tanpa dibetulkan akan menyebabkan perintah yang tidak konsisten terhadap pertuduhan yang dihadapi oleh tertuduh. Di satu sudut, berdasarkan fakta dan pertuduhan yang sama, tertuduh sedang menghadapi pertuduhan untuk dibicarakan, manakala di satu sudut lain, atas fakta dan pertuduhan yang sama, tertuduh dilepaskan dan dibebaskan. Perintah yang lebih tepat adalah agar tertuduh dilepaskan tanpa dibebaskan untuk pertuduhan yang sama yang telah silap didaftar oleh pegawai penyiasat. Ini bermakna tertuduh masih boleh dituduh dan dibicarakan atas pertuduhan-pertuduhan tersebut dan ini sedang dihadapi olehnya. Perintah mahkamah ini bukanlah bermakna tertuduh boleh dituduh dan dibicarakan dengan dua pertuduhan yang sama secara berganda kerana ini kesilapan teknikal

A pemfailan. Perintah ini hanya menggambarkan kesan perintah 'lepas tanpa bebas' iaitu tertuduh masih menghadapi pertuduhan-pertuduhan tersebut dan tidak dibebaskan. (perenggan 27 & 28)

Obiter:

B **(1)** Pada masa akan datang, apabila berlaku keadaan seperti ini, iaitu satu kesalahan telah tersilap didaftar sebanyak dua kali atau lebih, adalah lebih mudah jika kesilapan tersebut diselesaikan secara pentadbiran di peringkat pihak Pendaftar sahaja dengan kes-kes yang tersilap didaftar itu dibatalkan melalui sistem sedia ada mahkamah iaitu Case
C Management System ('CMS') tanpa perlu disebut di mahkamah terbuka. (perenggan 35)

Kes-kes yang dirujuk:
Ahmad Zubair Hj Murshid v. PP [2014] 9 CLJ 289 FC ***(dirujuk)***
Dato' See Teow Chuan & Ors v. Ooi Woon Chee & Ors And Another Appeal [2013] 4 CLJ 901 FC ***(dirujuk)***
D *Emperor v. Nasrullah & Others [1928] AIR All 287* ***(dirujuk)***
Gobinath Sinnaya v. PP & Other Appeals [2023] 1 CLJ 174 CA ***(dirujuk)***
Karpal Singh & Anor v. PP [1991] 2 CLJ 1458; [1991] 1 CLJ (Rep) 183 SC ***(dirujuk)***
Lau Kok Loon v. PP [2023] 9 CLJ 700 CA ***(dirujuk)***
Liaw Kwai Wah & Anor v. PP [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163 SC ***(dirujuk)***
E *Long Samat & Ors v. PP [1974] CLJU 80; [1974] 1 LNS 80 FC* ***(dirujuk)***
PP v. Ambika MA Shanmugam [2021] 2 CLJ 522 CA ***(dirujuk)***
PP v. Tan Kit Leng & Ors [1983] 1 CLJ 37; [1983] CLJ (Rep) 820 HC ***(dirujuk)***
Re Soo Leot [1955] CLJU 127; [1955] 1 LNS 127 HC ***(dirujuk)***
Sundra Rajoo Nadarajah v. Menteri Luar Negeri, Malaysia & Ors [2021] 6 CLJ 199 FC ***(dirujuk)***

F **Perundangan yang dirujuk:**
Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001, s. 4(1)(b)
Companies Act 1965, s. 132(2)(a), (c)
Courts of Judicature Act 1964, ss. 3, 31, 173(g)
Criminal Procedure Code, ss. 163, 254(3), 302(1), 307, 311, 315, 316, 317, 323(1),
G 325(1), (2), (3)
Federal Constitution, arts. 7(2), 145(3)
Penal Code, s. 409

Bagi pihak perayu/responden - T/n M Manoharan & Co
Bagi pihak responden/pemohon - Shahrul Ekhsan Hasim; TPR

H *Dilaporkan oleh Najib Tamby*

PENGHAKIMAN

Roszianayati Ahmad PK:

I **Latar Belakang Rayuan**

[1] Pada 11 Ogos 2023, pihak pendakwaan (selepas ini dirujuk sebagai responden) telah menulis surat kepada mahkamah memohon supaya mahkamah ini menggunakan kuasa semakan di bawah s. 323(1) Kanun

Tatacara Jenayah ("KTJ") agar Mahkamah Tinggi memanggil dan memeriksa rekod kes ini untuk tujuan memuaskan hati mahkamah ini berhubung ketepatan, keesahan dan kesesuaian perintah lepas dan bebas yang diberikan oleh Tuan Majistret Mahkamah Majistret 2, Selayang pada 26 Jun 2023.

[2] Sheila Sharon a/p Steven Kumar (selepas ini dirujuk sebagai perayu) telah dituduh di hadapan Mahkamah Majistret 2 Selayang pada 26 Jun 2023 di atas pertuduhan seperti berikut:

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu pada 15/06/2023 jam lebih kurang 12.00 tengahari bertempat di No. 8 Jalan Sg 1/1, Taman Sri Gombak, di dalam daerah Gombak, di dalam Negeri Selangor telah didapati melakukan ugutan jenayah untuk mendatangkan bencana tubuh keatas penama: Silverkoomarie A/P Muthiah, KPT: 540725-08-5476 dengan niat untuk mendatangkan kegentaran kepada orang itu. Oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum dibawah seksyen 506 Kanun Keseksaan

Pertuduhan Kedua

Bahawa Kamu Pada 15/06/2023 jam lebih kurang 1.00 tengahari bertempat Di No. 8 Jalan Sg 1/1, Taman Sri Gombak, di dalam daerah Gombak, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan dengan maksud untuk mengaibkan kehormatan penama: Taneswaran a/l Palaraman, Kpt: 821030-14-6229 telah berkata "you tengok badan you, gemuk, botak dan badak sumbu". Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 509 Kanun Keseksaan.

[3] Menurut responden, terdapat kesilapan pendaftaran pertuduhan oleh pegawai penyiasat yang menyebabkan dua nombor kes telah didaftarkan. Oleh yang demikian, pihak pendakwaan telah memohon satu kes tersebut untuk dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA).

[4] Pada 26 Jun 2023, Kes Nombor BD-82-6-06-2023 telah dipanggil dan pertuduhan telah dibacakan kepada perayu dan perayu telah memohon untuk dibicarakan. Setelah jaminan ditetapkan bagi kes tersebut, Mahkamah Majistret kemudian telah memanggil Kes BD-82-8-06-2023 dan pihak pendakwaan telah memohon kes tersebut untuk dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA) kerana kes ini telah disalah daftar oleh pegawai penyiasat. Walau bagaimanapun, Tuan Majistret telah memberikan perintah dibebaskan dan dilepaskan terhadap tertuduh setelah permohonan dibuat oleh peguam bela.

[5] Responden mengatakan Tuan Majistret telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila beliau telah memberi perintah lepas dan bebas terhadap perayu. Ini adalah kerana permohonan pendakwaan untuk kes tersebut di DNAA adalah kerana kesilapan pada pendaftaran kes dan bukan untuk tidak meneruskan kes terhadap tertuduh.

[6] Responden juga mengatakan perayu masih mempunyai kes yang sedang berjalan berdasarkan pertuduhan-pertuduhan yang sama dengan nombor kes yang berbeza. Pemberian perintah dilepaskan dan dibebaskan oleh Majistret adalah salah arah tanpa mengambil kira pertuduhan-pertuduhan perayu yang sedang berjalan melalui nombor kes yang berbeza tersebut.

[7] Setelah menerima surat permohonan semakan, pada 13 Ogos 2023, Timbalan Pendaftar telah menulis surat kepada pihak-pihak, memaklumkan bahawa kes ini ditetapkan pada 25 Ogos 2023.

[8] Pada tarikh pendengaran, pihak pendakwaan hadir namun begitu, perayu dan/atau peguamnya tidak hadir ke mahkamah. Hingga jam 11 pagi, apabila tiada yang hadir, setelah meneliti permohonan semakan, mahkamah telah membuat perintah berikut:

> Mahkamah telah meneliti permohonan semakan oleh pihak DPP dan dapati terdapat kekhilafan Majistret yang telah melepas dan membebaskan OKT walhal ia adalah kesilapan pemfailan.
>
> Semakan dibenarkan perintah Majistret diketepikan dan digantikan dengan OKT dilepaskan tanpa dibebaskan. OKT boleh dituduh kembali atas pertuduhan yang sama.

[9] Pada 16 Februari 2024, perayu telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan kerana tidak berpuas hati dengan keseluruhan keputusan mahkamah ini yang telah membenarkan permohonan semakan tersebut. Berdasarkan kepada notis rayuan yang difailkan, berikut diperturunkan pengataan perayu:

> Perayu tersebut telah mendapat kebenaran daripada Mahkamah Rayuan untuk merayu terhadap keseluruhan keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam tersebut melalui Permohonan No: B-07-89-09-2023 pada 15 Februari 2024 di atas persoalan-persoalan undang-undang berikut:
>
> (i) sama ada terdapat pelanggaran nyata jelas s. 325(2) Kanun Tatacara Jenayah yang telah membawa kepada suatu "miscarriage of justice" di mana tertuduh dan/atau peguamnya tidak dimaklumkan dan/atau tidak diberitahu dan/atau tidak diserahkan apa-apa mengenai permohonan semakan jenayah tersebut?
>
> (ii) sama ada terdapat pelanggaran secara tidak langsung s. 325(3) Kanun Tatacara Jenayah yang mana Yang Arif Hakim telah menukar suatu dapatan "dilepaskan dan dibebaskan" (acquittal) kepada suatu "dilepaskan tanpa dibebaskan" (discharge) dan selanjutnya diperintahkan pemohon boleh dituduh kembali atas pertuduhan yang sama?

(iii) sama ada permohonan semakan yang dibuat oleh pihak responden melalui suatu surat yang dikatakan bertarikh 11 Ogos 2023 selepas tamat tempoh rayuan atas keputusan yang dibuat pada 26 Jun 2023 merupakan suatu penyalahgunaan proses mahkamah yang membawa kepada suatu "miscarriage of justice"?

(iv) sama ada permohonan semakan yang dibuat oleh pihak responden sendiri diluar tempoh rayuan boleh diterima bagi semakan di bawah s. 323 Kanun Tatacara Jenayah?

(v) sama ada terdapat pelanggaran prinsip '*audi alteram partem*' yang merupakan suatu prinsip asas dasar "natural justice" dalam pendengaran permohonan semakan di Mahkamah Tinggi, Shah Alam di mana pemohon serta peguam bela pemohon tidak dimaklumkan, tidak diberitahu dan tidak disertakan apa-apa mengenai permohonan semakan jenayah tersebut yang dijalankan/diteruskan dan diputuskan secara tersembunyi?

Kuasa Semakan Mahkamah Tinggi

[10] Seksyen 31 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 memberikan kuasa semakan kepada Mahkamah Tinggi, manakala s. 323 KTJ memberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk memanggil rekod mahkamah rendah untuk tujuan memuaskan hatinya berhubung ketepatan, keesahan dan kesesuaian perintah yang diberikan oleh mahkamah rendah. Peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

> Seksyen 31:
>
> The High Court may exercise powers of revision in respect of criminal proceedings and matters in subordinate courts in accordance with any law for the time being in force relating to criminal procedure.

Seksyen 323 KTJ memperuntukkan seperti berikut:

> A Judge may call for and examine the record of any proceeding before any subordinate Criminal Court for the purpose of satisfying himself as to the correctness, legality, or propriety of any finding, sentence, or order recorded or passed and as to the regularity of any proceedings of that Subordinate Court.

[11] Mahkamah Tinggi apabila memanggil rekod tersebut mempunyai budi bicara untuk menjalankan kuasa yang diperuntukkan di bawah ss. 311, 315, 316 dan 317 KTJ. Kuasa semakan digunakan apabila terdapat kesilapan kefahaman terhadap undang-undang, ketidakaturan prosedur, gagal menjalankan langkah berjaga-jaga secara betul atau kekerasan perlakuan yang ketara yang telah mengakibatkan pemeliharaan undang-undang tidak dilakukan sehingga memberikan kesan kepada suatu pihak atau individu lain. Mahkamah Agung di dalam kes *Liaw Kwai Wah & Anor v. PP* [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163 apabila memetik kes *Emperor v. Nasrullah & Others* [1928] AIR All 287 menyatakan seperti berikut:

Object of revision

> ... to confer upon criminal Courts a kind of paternal or supervisory jurisdiction, in order to correct miscarriage of justice arising from misconception of law, irregularity of procedure, neglect of proper precautions or apparent harshness of treatment, which has resulted on the one hand in some injury to the due maintenance of law and order, or on the other hand, in some undeserved hardship to individuals.

[12] Manakala di dalam kes *Re Soo Leot* [1955] CLJU 127; [1955] 1 LNS 127, Mahkamah Tinggi telah menyatakan bahawa kuasa semakan yang diberikan adalah kuasa budi bicara yang luas, digunakan oleh Mahkamah Tinggi mengikut keadaan suatu kes di mana ia hendaklah dilaksanakan dengan adil dan hendaklah dibiarkan digunakan secara bebas tanpa halangan. Kes tersebut menyatakan:

> No local authorities were quoted and I am not aware than in practice the Courts of this country have laid clown any rules which confine the discretion given by law in a manner in which the legislature has not seen fit to confine it. The principles which should guide the Courts in the exercise of the revisionary powers have been clearly set out by Jenkins CJ in *R v. Lachiram* ILR 28 Bom 533 where at p. 566 he observed:
>
> > If we have been entrusted with the responsibility of a wide discretion, we should be the last to attempt to fetter that discretion, and whenever it is argued that judicial decision has deprived us of the power that the Legislature has given us, I recall the words of an eminent English Judge: 'I desire to repeat', he said, 'what I have said before, that this controlling power of the Court is a discretionary power and it must be exercised with regard to all the circumstances of each particular case, anxious attention being given to the said circumstances, which vary greatly. For myself, I say emphatically that this discretion ought not to be crystallised, as it would become in course of time, by one Judge attempting to prescribe definite rules with a view to bind other Judges in the exercise of the discretion which the Legislature has committed to them. This discretion, like all other judicial discretions, ought, as far as practicable, to be left untrammeled and free so as to be fairly exercised according to the exigencies of each case'.

[13] Setelah menerima surat permohonan semakan daripada responden, selaras dengan s. 325(1) KTJ, mahkamah mendapati isu yang ditimbulkan oleh mereka perlu disemak, maka saya telah menggunakan kuasa budi bicara saya untuk memanggil rekod dari Mahkamah Majistret Selayang bagi menyemak keesahan, ketepatan dan kesesuaian perintah yang diberikan.

[14] Pada tarikh yang ditetapkan untuk pendengaran semakan iaitu 25 Ogos 2023, Timbalan Pendakwa Raya telah hadir, namun begitu tiada kehadiran daripada pihak perayu mahu pun peguamnya. Mahkamah juga telah

dimaklumkan oleh Timbalan Pendakwa Raya bahawa permohonan semakan telah diserahkan kepada perayu. Nota keterangan tersebut adalah seperti berikut:

Nota Keterangan

Dalam Mahkamah Terbuka

Bertarikh : 25 Ogos 2023

Di hadapan : Y.A. Pesuruhjaya Kehakiman Puan Roszianayati binti Ahmad

P/Pemohon : Tuan Shahrul Ekhsan

P/Responden : Tidak Hadir

Responden : Tidak Hadir

Mahk : Ada lagi satu kes, panggil.

JB : Peguam Responden dan Responden tiada.

Mahk : Semakan telah diserahkan?

TPR : Benar Yang Arif.

Mahk : Tangguh sebentar dan saya akan naik sekali lagi untuk benarkan revision ini.

Mahkamah tangguh sebentar @ 10.06 pagi

T.t.

Y.A. Roszianayati Binti Ahmad
Pesuruhjaya Kehakiman
25 Ogos 2023

JB : BA-43-32-08/2023

TPR : Sekali lagi saya sebagai pihak Pendakwa Raya dan Pemohon

Mahk : Mahkamah telah meneliti permohonan semakan oleh pihak DPP dan dapati terdapat kekhilafan Majistret yang telah melepas dan membebaskan OKT walhal ia adalah kesilapan pemfailan.

Semakan dibenarkan perintah Majistret diketepikan dan digantikan dengan OKT dilepaskan tanpa dibebaskan. OKT boleh dituduh kembali atas pertuduhan yang sama.

Mahkamah selesai bersidang @ 11.00 pagi

T.t.

Y.A. ROSZIANAYATI BINTI AHMAD
Pesuruhjaya Kehakiman
25 Ogos 2023

[15] Memandangkan Timbalan Pendakwa Raya menyatakan bahawa permohonan semakan ini telah diserahkan, saya telah menangguhkan sebentar kes ini hingga jam 11 pagi. Pada jam 11 pagi, perayu atau/dan peguamnya masih tidak hadir, maka saya beranggapan perayu memilih untuk tidak menghadirkan diri. Justeru, mahkamah telah memberikan perintah seperti yang dinyatakan di atas. Tiada petunjuk perintah ini diberikan secara tersembunyi memandangkan kes semakan perayu telah didengar di mahkamah terbuka dan hanyalah salah satu daripada kes-kes semakan yang dikendalikan oleh mahkamah ini tanpa apa-apa keistimewaan dan tidak pernah dianggap sebagai kes picisan.

Semakan Ke Atas Perintah Mahkamah Majistret

[16] Mahkamah dalam menimbangkan untuk memanggil rekod prosiding di mahkamah rendah telah melihat kepada isu yang ditimbulkan oleh responden dimana Majistret telah memutuskan untuk melepas dan membebaskan perayu walaupun alasan yang diberikan oleh pihak Timbalan Pendakwa Raya adalah kerana terdapat kesilapan pemfailan. Rekod prosiding di Mahkamah Majistret adalah seperti berikut:

Historical Minutes

Case No: [redacted]

Date/Proceeding Type	Accused/Suspect	Minutes	Result
26 Jun 2023	T1: SHEILA SHARON A/P STEVEN KUMAR (Identity Card No.: [redacted])	**Minutes:** T1: C1 : Seksyen 506 Kanun Keseksaan; C2: Seksyen 509 Kanun Keseksaan; Minutes: DPP Imani: OKT hadir dengan peguam Mansharan dan Hariharan. Mohon kes ini dnaa, kes salah daftar. Peguam: Mohon kes DAA, kerana kes ini salah daftar, the law di DAA. DPP: Serah kepada budibicara Mahkamah. Court: Kes DAA. **Bail:** N/A **Next Date :** N/A	T1: C1: Seksyen 506 Kanun Keseksaan; C2: Seksyen 509 Kanun Keseksaan; A&D Method of Disposal: Acquitted & Discharged (A & D)

Close

[17] Setelah meneliti surat yang dikemukakan oleh Timbalan Pendakwa Raya dan meneliti rekod Mahkamah Majistret, saya mendapati terdapat kesilapan yang mencolok (glaring mistake) di pihak Majistret apabila memerintahkan agar tertuduh dilepas dan dibebaskan dari pertuduhan hanya kerana terdapatnya kesilapan pemfailan.

[18] Saya juga mendapati keputusan yang dibuat oleh Majistret adalah tidak termasuk di bawah 'keputusan' yang boleh dirayu seperti takrifan di bawah s. 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 yang dibaca bersama dengan s. 307 KTJ kerana keputusan yang dibuat oleh Majistret hanya timbul dari kesilapan pemfailan oleh pegawai penyiasat yang telah memfailkan pertuduhan terhadap perayu dengan dua nombor kes yang berbeza. Perayu walaupun diperintahkan untuk dilepaskan dan dibebaskan di bawah Kes No: BD- 82-8-06-2023, masih lagi menghadapi pertuduhan yang sama di bawah Kes Nombor BD-82-6-06-2023. Oleh yang demikian, hak perayu berkenaan pertuduhan-pertuduhan yang dihadapinya masih lagi belum muktamad. Saya merujuk kepada kes Mahkamah Rayuan *Gobinath Sinnaya v. PP & Other Appeals* [2023] 1 CLJ 174.

> [9] The word "decision" has been defined under s. 3 of the CJA as follows:
>
> > "decision" means judgment, sentence, or order, **but does not include any ruling made in the course of a trial or hearing of any cause or matter which does not finally dispose of the rights of the parties;**
>
> [10] The definition of "decision" under s. 3 is plain and unambiguous that it excludes any ruling which does not finally dispose of the rights of parties. This as opposed to the earlier definition of "decision" before the amendment-by-amendment Act A1031 of 1998 that came into force on 31 July 1998 which is as follows:
>
> > "decision" means any judgment, sentence, or order.
>
> [11] Hence, after the said amendment, a decision that is appealable under s. 50 of CJA **is only those that have finally disposed of the rights of parties,** not any interlocutory judgment or order where the final rights of parties are yet to be disposed of although the judgment, ruling or order is conclusive or final to the subordinate matter.
>
> (penekanan ditambah)

Justeru, mahkamah mendapati cara yang sesuai untuk memutuskan permohonan responden adalah melalui kuasa semakan di bawah s. 323 KTJ.

[19] Adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa hakim bicara, sama ada di Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rendah, tiada kuasa untuk memerintahkan pelepasan dan pembebasan seorang tertuduh daripada suatu pertuduhan melainkan setelah mendengar kesemua keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan. Ia timbul dari doktrin pemisahan kuasa yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan bagi memastikan kemandirian Pejabat Peguam Negara dalam memulakan dan menguruskan prosiding jenayah. Kuasa ini tidak boleh diganti oleh mahkamah, apatah lagi Majistret iaitu pegawai kehakiman di mahkamah rendah. Di dalam kes Mahkamah Persekutuan *Long Samat & Ors v. PP* [1974] CLJU 80; [1974] 1 LNS 80, telah diputuskan:

A On independence, the Federal Constitution came into force, and cl. (3) of its Article 145 (as amended) provides:

> The Attorney General shall have power exercisable at his discretion, to institute, conduct or discontinue any proceedings for an offence, other than proceedings before a Muslim Court, a native Court or a Court-martial.

B In our view, this clause from the supreme law clearly gives the Attorney General very wide discretion over the control and direction of all criminal prosecutions. Not only may he institute and conduct any proceedings for an offence, he may also discontinue criminal proceedings that he has instituted, and the Courts cannot compel him to institute any criminal C proceedings which he does not wish to institute or to go on with any criminal proceedings which he has decided to discontinue. (For the position in England, please see Viscount Dilhorne's speech at pp. 32-3 in *Smedleys Ltd. v. Breed* [1974] 2 All ER 21). Still less then would the Court have power to compel him to enhance a charge when he is content to go D on with a charge of a less serious nature.

Anyone who is dissatisfied with the Attorney General's decision not to prosecute, or not to go on with a prosecution, or his decision to prefer a charge for a less serious offence when there is evidence of a more serious offence which should be tried in a higher Court, should seek his remedy elsewhere, but not in the Courts.

E **[20]** Malah adalah tidak masuk akal untuk Pegawai Kehakiman Mahkamah Rendah diberikan kuasa yang luas untuk melepas dan membebaskan tertuduh dengan melanggar kuasa Pendakwa Raya yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Jika perintah oleh Majistret ini dibiarkan tanpa dibetulkan, ia F seolah-olah membenarkan Majistret untuk campur tangan dan merampas kuasa Pendakwa Raya seperti yang diperuntukkan dalam per. 145(3) Perlembagaan Persekutuan.

[21] Di samping itu, di bawah peruntukan undang-undang manakah, yang membenarkan Majistret untuk membuat perintah sedemikian? Jika pun ada, G peruntukan yang paling hampir adalah peruntukan di bawah s. 173(g) KTJ iaitu prosedur dalam perbicaraan ringkas yang menyatakan seperti berikut:

> (g) Nothing in paragraph (f) shall be deemed to prevent the Court from discharging the accused at any previous stage of the case if for reasons to be recorded by the Court it considers the charge to be groundless.

H **[22]** Kesan daripada peruntukan s. 173(g) KTJ adalah: dalam keadaan di mana pertuduhan itu dianggap tidak berasas oleh Majistret, perintah yang dibenarkan untuk diberikan adalah melepaskan tanpa membebaskan tertuduh daripada pertuduhan tersebut. Dalam berbuat demikian, Majistret juga hendaklah menyatakan alasan mengapa perintah pelepasan tersebut I diberikan. Namun begitu, di dalam kes ini, hanya kerana kesilapan pendaftaran, Majistret bukan sahaja melepaskan perayu tetapi juga

membebaskannya dari pertuduhan tersebut. Majistret juga tidak memberikan alasan mengapa beliau sampai kepada perintah tersebut. Jika pun ada, Majistret terpelajar mungkin bertindak berdasarkan kepada permohonan peguam yang mengatakan undang-undang adalah DAA (discharge and aquittal)/(lepas dan bebas)). Namun, apakah undang-undang yang dikatakan oleh peguam itu? Ia tidak dinyatakan di dalam rekod Mahkamah Majistret. Rekod Mahkamah Majistret adalah seperti berikut:

Peguam: Mohon kes DAA, kerana kes ini salah daftar, the law di DAA

DPP: Serah kepada budibicara Mahkamah.

Court: Kes DAA.

[23] Isu peruntukan s. 173(g) KTJ juga telah dibincangkan di dalam kes Mahkamah Agung iaitu *Karpal Singh & Anor v. PP* [1991] 2 CLJ 1458; [1991] 1 CLJ (Rep) 183 yang diputuskan seperti berikut:

> The following para. (g) is the crucial one for discussion in this case. The Court may discharge the accused (not acquit) if the Court considers the charge to be groundless. The Magistrate will have to record the reasons for his decision. If he discharges there is nothing to prevent the prosecution recharging the accused. It may be that the reason for the discharge may be that the Magistrate finds he has no jurisdiction or the charge does not disclose any offence known to Penal Code or other written law. The only circumstances under which an accused can be acquitted are those in para. (f) and when the prosecution offers no further evidence because it feels that the prosecution case has collapsed prematurely. There is no provision in the Code for striking out proceedings or acquittal without hearing all evidence the prosecution has the capacity to offer, even though postponements are needed.

[24] Hanya Mahkamah Tinggi yang mempunyai bidang kuasa yang sedia ada dalam menjalankan kuasa prerogatifnya untuk membuat perintah pembebasan dan pelepasan tertuduh. Namun demikian, ia hanya boleh dilakukan dalam keadaan yang jarang dan luar biasa untuk membetulkan mana-mana ketidakadilan yang berlaku. Kuasa ini walaupun tidak diperuntukkan oleh undang-undang di Malaysia, telah dicedok daripada doktrin Inggeris mengenai bidang kuasa sedia ada mahkamah dalam pentadbiran keadilan. Rujuk kes *Karpal Singh & Anor v. PP* (*supra*) yang memutuskan:

> If any party feels that the charge and consequent proceedings are illegal on the face of record, which we feel is rare, his remedy is to take up appropriate proceedings before a High Court to quash the charge and whole proceedings producing evidence to the satisfaction of the trial Judge to adopt such a case. It is absurd and against common sense to believe that the Legislature ever expected members of the subordinate judiciary to exercise such vast powers, trespassing into the public prosecutor's area.

(Rujuk juga kes *Ahmad Zubair Hj Murshid v. PP* [2014] 9 CLJ 289; *Dato' See Teow Chuan & Ors v. Ooi Woon Chee & Ors And Another Appeal* [2013] 4 CLJ 901; *Sundra Rajoo Nadarajah v. Menteri Luar Negeri, Malaysia & Ors* [2021] 6 CLJ 199; [2021] 5 MLJ 209).

[25] Peruntukan lain yang ada di dalam undang-undang berkenaan perintah pelepasan dan pembebasan tertuduh adalah di bawah s. 254 KTJ yang memperuntukkan seperti berikut:

> (1) At any stage of any trial, before the delivery of judgment, the Public Prosecutor may, if he thinks fit, inform the Court that he will not further prosecute the accused upon the charge and thereupon all proceedings on the charge against the accused shall be stayed and the accused shall be discharged of and from the same.
>
> (2) At any stage of any trial before a Sessions Court or a Magistrates Court before the delivery of judgment, the officer conducting the prosecution may, if he thinks fit, inform the Court that he does not propose further to prosecute the accused upon the charge, and thereupon all proceedings on the charge against the accused may be stayed by leave of the Court and, if so stayed, the accused shall be discharged of and from the same.
>
> (3) Such discharge shall not amount to an acquittal unless the Court so directs.

[26] Di bawah s. 254(3) KTJ, hakim bicara, termasuklah Majistret, boleh memerintahkan tertuduh dilepas dan dibebaskan apabila pihak pendakwaan menyatakan hasratnya untuk tidak meneruskan pendakwaan terhadap tertuduh. Walau bagaimana pun, keputusan sama ada hendak meneruskan pendakwaan atau tidak, adalah terletak hak kepada pihak Pendakwa Raya. Hanya selepas keputusan oleh Pendakwa Raya telah dibuat, mahkamah boleh membuat perintah pembebasan terhadap tertuduh dalam keadaan-keadaan tertentu dengan mengikut undang-undang. Di dalam kes Mahkamah Rayuan *PP v. Ambika MA Shanmugam* [2021] 2 CLJ 522, telah diputuskan seperti berikut:

> [18] Further, the meaning of the phrase "unless the court so directs" had been dealt with by the Singapore High Court in the case of *Goh Cheng Chuan v. PP* [1990] CLJU 85; [1990] 1 LNS 85; [1990] 3 MLJ 401. The provision of s. 184(2) of the Singapore's CPC has the similarity with s. 254(3) of our CPC and Thean J in that case explained and opined as follows:
>
> ...
>
> Where the prosecution has instituted against an accused on a charge, the decision whether or not to prosecute further the accused on the charge is one for the prosecution to make. *Once he has made the decision not to prosecute the accused further, he ought in conformity to that section to inform the court of his decision and s. 184(1)*

> *comes into operation.* For the purpose of s. 184(2) he ought further to inform the court of all relevant matters, for example, as in this case, the difficulty of tracing a material witness and his intention as to the likelihood of future prosecution of the accused on the charge. It is then for the court to decide whether it should direct that the discharge shall amount to an acquittal. The court is vested with the discretion is, in my opinion, unfettered; but, of course, it must be exercised judicially, taking into consideration all the relevant facts and factors placed before it, including the intention of the public prosecutor as to the future prosecution of the accused on the charge. That, in substance, is how the section operates.
>
> (penekanan ditambah)

[27] Keadaan adalah berbeza dalam kes ini. Tiada indikasi yang menunjukkan permohonan pihak responden adalah di bawah s. 254 KTJ. Malah, pihak responden ingin meneruskan pertuduhan terhadap perayu tetapi terdapat kesilapan pemfailan di mana terdapat satu kes yang sama difailkan secara berganda. Pertuduhan-pertuduhan yang sama tersebut adalah berasaskan fakta-fakta yang sama. Membiarkan perintah Majistret tanpa dibetulkan akan menyebabkan perintah yang tidak konsisten terhadap pertuduhan yang dihadapi oleh perayu. Di satu bahagian, atas fakta yang sama dan pertuduhan yang sama, perayu sedang menghadapi pertuduhan untuk dibicarakan, manakala di satu bahagian lain, atas fakta dan pertuduhan yang sama, perayu telah dilepas dan dibebaskan.

[28] Justeru, perintah yang lebih tepat berdasarkan alasan-alasan di atas adalah perayu dilepaskan tanpa dibebaskan bagi pertuduhan yang sama yang telah silap didaftar oleh pegawai penyiasat. Ini bermakna, perayu masih boleh dituduh dan dibicarakan atas pertuduhan-pertuduhan tersebut yang saya percaya sedang dihadapi oleh perayu pada masa ini. Jelas tanpa ragu, perintah mahkamah ini bukanlah bermakna perayu boleh dituduh dan dibicarakan dengan dua pertuduhan yang sama secara berganda memandangkan ia adalah kesilapan teknikal pemfailan. Perintah ini hanya menggambarkan kesan kepada perintah 'lepas tanpa bebas' iaitu: perayu masih menghadapi pertuduhan-pertuduhan tersebut dan tidak dibebaskan.

[29] Adalah tidak munasabah jika perayu mengatakan perintah lepas tanpa bebas akan menyebabkan dia boleh dituduh dengan pertuduhan yang sama pada masa hadapan. Ini adalah kerana undang-undang sendiri melarang pertuduhan dan perbicaraan berganda. Peruntukan am yang paling relevan adalah s. 163 KTJ yang memperuntukkan untuk satu kesalahan perlu ada satu pertuduhan dan satu perbicaraan yang berasingan. Peruntukan tersebut menyatakan seperti berikut:

> **For every distinct offence** of which any person is accused there **shall be a separate charge,** and every such charge **shall be tried separately,** except in the cases mentioned in sections 164, 165, 166 and 170.
>
> (penekanan ditambah)

Justeru, tidak timbul keadaan di mana perayu diprejudiskan dengan perintah mahkamah ini kerana undang-undang adalah jelas tanpa ragu melindungi perayu atau mana-mana orang dari pertuduhan dan perbicaraan berganda.

[30] Di samping itu, jika perkara ini melarat dan berlarutan tanpa perintah Majistret dibetulkan, berkemungkinan ia akan menarik isu berkenaan pengoperasian per. 7(2) Perlembagaan Persekutuan dan s. 302(1) KTJ pada masa akan datang. Diperturunkan di sini peruntukan-peruntukan tersebut:

> Perkara 7(2):
>
> (2) A person who has been acquitted or convicted of an offence shall not be tried again for the same offence except where the conviction or acquittal has been quashed and a retrial ordered by a court superior to that by which he was acquitted or convicted.
>
> Seksyen 302:
>
> (1) A person who has been tried by a Court of competent jurisdiction for an offence and convicted or acquitted of that offence shall, while the conviction or acquittal remains in force, not be liable to be tried again for the same offence nor on the same facts for any other offence for which a different charge from the one made against him might have been made under section 166 or for which he might have been convicted under section 167.

[31] Inilah yang telah berlaku di dalam kes *PP v. Tan Kit Leng & Ors* [1983] 1 CLJ 37; [1983] CLJ (Rep) 820 apabila Majistret telah menggunakan prinsip '*autrefois* acquit and convict' lalu membebaskan tertuduh-tertuduh untuk satu pertuduhan lain yang masih dihadapi oleh mereka atas alasan terdapat dua pertuduhan terdahulu yang dihadapi oleh responden pertama telah ditarik balik oleh pihak pendakwaan tetapi Majistret memerintahkan responden pertama dilepas dan dibebaskan manakala satu lagi pertuduhan di mana responden pertama mengaku salah telah pun dijatuh hukum. Namun begitu, Hakim Mahkamah Tinggi Azmi (ketika itu) memutuskan bahawa pertuduhan yang masih dihadapi oleh mereka adalah kesalahan dan perbicaraan yang berbeza:

> For s. 302(i) to apply, there should be more than one trial in respect of the same person. From the appeal record, there was in fact an application made by the Prosecution for both cases to be tried jointly, and the Court did make the order for joint trial on 19 September 1979. In effect, therefore, the first respondent faced four separate charges arising out of the same transaction and the second and third respondents faced one charge jointly with the first respondent. There was therefore only one trial in respect of the four charges which is allowed under ss. 165 and 170 Criminal Procedure Code, and the fact that in the course of that trial the Prosecution had withdrawn two charges against the first respondent, and the first respondent had pleaded guilty to one charge would not transform

the proceedings into two separate trials. The joint trial was part-heard and, as such, no plea of *autrefois* convict or autrefois acquit can apply under s. 302(i).

[32] Begitu juga di dalam kes Mahkamah Rayuan *Lau Kok Loon v. PP* [2023] 9 CLJ 700. Pihak pendakwaan telah memohon untuk pertuduhan terhadap tertuduh di bawah s. 132(2)(a) dan (c) Akta Syarikat 1965 ditarik balik, namun begitu, Hakim Mahkamah Sesyen telah memerintahkan agar tertuduh dilepaskan dan dibebaskan. Dalam masa yang sama, tertuduh juga menghadapi pertuduhan di bawah s. 409 Kanun Keseksaan dan s. 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA). Tertuduh telah memohon agar pertuduhan di bawah s. 409 KK dan s. 4(1)(b) AMLA dibatalkan atas prinsip *autrefois* acquit. Mahkamah Rayuan telah menyatakan:

> **[29]** In this case, since the CBT and the AMLA charges are different offences which ingredients are also different from the SSM charges, the Applicant cannot avail himself of the provisions in Section 302(1) CPC and Article 7(2) of the Federal Constitution.

[33] Di dalam kedua-dua kes di atas, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan telah memutuskan pertuduhan dan perbicaraan tersebut adalah dari kesalahan yang berbeza dan telah menolak penggunaan prinsip *autrefois* acquit. Berbeza dengan kes ini, pertuduhan-pertuduhan yang tersilap didaftar adalah dari kesalahan-kesalahan yang sama, maka jika perintah Majistret yang melepas dan membebaskan tertuduh tidak dibetulkan, berkemungkinan ia akan menarik kepada timbulnya isu penggunaan prinsip *autrefois* acquit.

[34] Justeru, dengan menggunakan kuasa semakan, saya mengetepikan perintah pelepasan dan pembebasan perayu dan menggantikan dengan perintah lepas tanpa bebas. Ini bermakna, perayu masih boleh dituduh dan dibicarakan atas pertuduhan tersebut.

[35] Nota: Adalah lebih mudah, pada masa akan datang, jika berlaku keadaan seperti ini di mana satu kesalahan telah tersilap didaftar sebanyak dua kali atau lebih dari itu, diselesaikan secara pentadbiran di peringkat pihak Pendaftar sahaja dengan kes-kes yang tersilap didaftar itu dibatalkan melalui sistem mahkamah yang sedia ada iaitu Case Management System (CMS) tanpa perlu disebut di mahkamah terbuka.